

Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti

KHALIM ZAINAL

ABSTRACT

Human performs an incredible variety of acts, all considered human behavior. When a certain behavior is performed not according to certain sets of rules, it is considered as misbehavior. Thus misbehavior means an individual actions that disrupt, destroy, defy, hurt or infringe on others rights. Discipline is tied directly to misbehavior. It is intended to suppress, control and redirect that sort of behavior which includes specific categories of acts as cruelty, disrespect, boisterousness, cheating, fighting, sarcasm, defiance and apathy. Such misbehavior reduces effectiveness and pleasure in human relationship. This paper will discuss misbehavior among teenagers from the perspectives of Behavioral, Humanistic, Psychoanalytic and Personality Theory Trait.


PENGENALAN

Kita sering bercakap tentang pelbagai masalah tingkah laku yang melanda remaja pada masa kini. Semua menuding jari ke arah remaja seolah-olah merekalah yang silap merencana kehidupan mereka. Sebut saja masalah tingkah laku remaja; mat rempit, pergaulan bebas, dadah, melawan guru, vandalisme, melepak dan pelbagai masalah negatif, semua kesalahan diletakkan di bahu remaja. Sebenarnya bukan semua tingkah laku tersebut adalah kesilapan remaja semata-mata. Kita hidup dalam dunia tanpa sempadan. Pembangunan teknologi terutamanya dalam bidang teknologi maklumat begitu pesat sehinggakan kadang kala kita ditinggalkan tanpa kita sedari. Remaja boleh mendapat maklumat yang baik mahupun negatif di hujung jari sahaja. Hubungan menjadi semakin dekat walaupun jarak fizikal adalah ribuan batu. Kehidupan berkeluarga juga semakin rapuh dan ikatan dalam masyarakat lebih menjurus kepada individualisme berbanding kolektivisme pada suatu ketika dahulu.

Manusia memandang kebendaan sebagai kayu ukur kejayaan individu. Di sinilah nilai keagamaan dan moral telah diketepikan. Keluarga berpecah belah, anak-anak dibiarkan tanpa haluan ditokok lagi dengan kehidupan yang penuh cabaran. Di gelanggang inilah punca sebenar remaja bermula sama ada baik ataupun buruk. Pengaruh keluarga, persekitaran, rakan sebaya, sekolah, masyarakat, kemajuan kebendaan dan sebagainya lagi akan menekan jiwa seseorang remaja. Gordon (2001), menyatakan masalah tingkah laku pelajar secara global ada kaitan dengan keganasan dalam masyarakat, peranan media massa yang terlalu bebas memuatkan berita mengenai masalah seks, pembunuhan dan keganasan, situasi rumah yang tidak stabil, kepelbagaian perangai yang begitu ketara dalam kalangan kanak-kanak. Yang mana dapat bertahan dan dapat menapis unsur-unsur yang positif akan meloloskan diri dengan berjaya. Bagaimana pula yang gagal? Jadilah mereka penagih dadah, sampah masyarakat, melakukan pelbagai perkara yang bertentangan dengan agama dan kehendak masyarakat. Untuk membantu remaja, masyarakat perlu memahami mereka. Pemahaman mengenai teori-teori berkaitan merupakan salah satu cara untuk memahami permasalahan tingkah laku remaja. Kertas kerja ini akan cuba memahami dan membincangkan pelbagai perspektif teori dan pendekatan dalam menerangkan tentang pelbagai perkara yang menyentuh tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja. Perspektif teori tersebut adalah Tingkah laku, Humanistik, Psikoanalitik dan Teori Tret.

PENDEKATAN TINGKAH LAKU

Mengikut pendekatan ini perasaan, pemikiran dan kepercayaan adalah perkara-perkara yang boleh dipelajari (Hyman 1997). Melalui pendekatan ini tingkah laku dibentuk melalui pengalaman. Oleh itu untuk membentuk tingkah laku pelajar ialah dengan cara menyelami perasaan dan pemikiran pelajar melalui unsur-unsur nasihat dan perbincangan. Dengan memahami pelajar yang bermasalah disiplin, pembentukan tingkah laku dapat dilakukan. Tingkah laku bermasalah ataupun tidak berdisiplin dapat dihindari dan seterusnya melahirkan tingkah laku yang baik (Alberto & Troutman 1990, Bandura 1977, Skinner 1982, 1968, Axelrod 1983). Dengan beranggapan semua tingkah laku boleh dipelajari, guru berperanan penting untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah tingkah laku untuk membina tingkah laku yang positif dan dapat diterima di sekolah. Pembelajaran pula berlaku setelah melalui prinsip-prinsip peneguhan dan dendaan. Pendekatan ini melihat peneguhan sebagai pembentuk tingkah laku yang sangat berkesan. Di samping itu tingkah laku, pemikiran, dan perasaan dapat diukur, diramal dan dikawal. Mereka menambah bahawa tingkah laku dapat dimodifikasi dengan cara peneguhan yang sistematik, menarik keluar peneguhan, mengenakan



dendaan dan mendesak secara rasional. Ini dapat melahirkan tingkah laku yang dikehendaki.

Kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa pemberian ganjaran merupakan pembentuk tingkah laku yang sangat berkesan (Wolery, Baily & Sugai 1988). Pengamal tingkah laku percaya tingkah laku bermasalah adalah akibat daripada pelajar tidak selesa dengan peraturan ataupun undang-undang sekolah dalam mengawal tingkah laku. Dalam minda pelajar telah sedia wujud perasaan iaitu guru mesti menghukum pelajar yang melakukan kesalahan dan pelajar sekolah mesti patuh kepada undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan tidak boleh melakukan sebarang kesalahan. Di samping itu terdapat tanggapan pelajar iaitu mereka mesti mendapat markah sebaik mungkin agar diiktiraf sebagai pelajar yang berjaya. Kesannya pelajar akan menghukum diri sendiri terlebih dahulu dengan menyatakan bahawa dia seorang pelajar yang nakal, malas, tidak pandai dan pelbagai sifat negatif lagi menyebabkan pelajar tersebut enggan berubah disebabkan kepercayaan bahawa sifat tersebut akan terus kekal dalam diri mereka. Di sinilah guru perlu memainkan peranan dengan mengenali pelajar dengan lebih dekat agar masalah pelajar dapat diketahui. Suatu diagnosis perlu dilakukan agar guru tahu sifat negatif yang bersarang dalam minda pelajar supaya ia dapat dirungkaikan. Dengan lain perkataan, teori tingkah laku percaya personaliti seseorang dibentuk oleh pengalaman (Hamilton 2007).

Pandangan pendokong teori tingkah laku percaya semua manusia dilahirkan bersih, suci dalam keadaan kosong. Apa yang terjadi kepada manusia adalah hasil pembentukan tingkah laku yang telah dibentuk oleh asakan persekitaran. Kita dianggap sebagai makhluk yang pasif dan menerima apa sahaja yang membentuk kita berdasarkan pengaruh persekitaran. Pembentukan personaliti individu adalah kesan daripada pembelajaran melalui pelbagai pengalaman yang dilalui. Pendekatan tingkah laku merujuk situasi begini yang membentuk tingkah laku manusia sebagai pelaziman (*conditioning*). Terdapat dua jenis pelaziman iaitu pelaziman klasik dan pelaziman operan. Pelaziman klasik merupakan suatu pembelajaran yang berkait rapat antara rangsangan neutral dengan rangsangan biologikal. Pelaziman ini dikemukakan oleh Ivan Pavlov berdasarkan ujiannya terhadap seekor anjing dan perkaitan dengan pengeluaran air liur. Setelah diberi pelaziman mendapat makanan, anjing tersebut akan mengeluarkan air liur. Pelaziman operan pula yang diperkenalkan oleh B.F. Skinner berkaitan dengan pembelajaran berdasarkan kesan akibat yang telah diterima. Ia melibatkan penggunaan peneguhan positif dan peneguhan negatif. Peneguhan positif berkait rapat dengan pemberian ganjaran terhadap tingkah laku yang ditonjolkan dan ingin terus dikekalkan. Ini memberi gambaran tingkah laku tersebut akan berulang dengan pemberian ganjaran tersebut. Peneguhan negatif pula berkaitan dengan memberi sesuatu yang tidak baik tetapi kesannya menghasilkan sesuatu yang baik. Contoh seseorang yang demam disuruh

mengambil ubat (peneguhan negatif), kesannya dia sembuh. Apabila demam semula dia akan terus mengambil ubat yang sama kerana yakin akan sihat. Sama ada peneguhan positif ataupun negatif kedua-duanya akan memberi kesan yang baik ia itu membentuk tingkah laku yang baik dalam suatu jangka masa yang panjang. Satu lagi pembentuk tingkah laku ialah dengan menggunakan dendaan. Ia merupakan satu kaedah mengenakan sesuatu yang tidak menyenangkan kepada individu agar individu dipaksa untuk mengubah tingkah laku yang tidak baik kepada tingkah laku yang boleh diterima. Bagi Skinner, dendaan merupakan kaedah yang tidak berkesan untuk membentuk tingkah laku dan mengekalkan dalam suatu jangka masa yang panjang. Oleh itu, dendaan hanya menghasilkan perubahan jangka pendek sahaja.

Satu lagi teori yang menggunakan pendekatan tingkah laku ialah Teori Pembelajaran Sosial yang oleh Albert Bandura. Mengikut beliau individu bertingkah laku berdasarkan pengalaman dengan melihat orang lain yang dianggap sebagai model. Individu akan mengamalkan apa yang dilihat sebagai tingkah laku yang perlu diamalkan. Sekiranya berterusan, tingkah laku tersebut akan kekal dalam diri individu. Tingkah laku remaja di sekolah boleh dilihat daripada sudut pendekatan tingkah laku (*behavioral*). Remaja di bangku sekolah daripada pelbagai latar belakang perlu dilihat secara berbeza kerana mereka telah melalui pelbagai pengalaman hidup. Remaja ini telah menjadikan individu-individu lain sebagai model tanpa mereka sedari. Maka wujudlah pelbagai tingkah laku yang menimbulkan pelbagai masalah disiplin di sekolah. Guru perlu melayan remaja tersebut secara berbeza kerana kepelbagaian pengalaman tersebut. Pelajar di sekolah perlu dilayan sebagai individu secara berasingan dan bukan secara pukal. Walaupun agak sukar untuk guru melakukannya kerana jumlah pelajar yang ramai, namun hakikat yang perlu diterima oleh guru ialah mereka adalah seorang pendidik. Pelajar memerlukan sentuhan guru untuk mereka menjadi bertambah baik daripada sedia ada. Guru perlu menjadi model yang terbaik kepada pelajar (Bandura 1977). Bayangkan setiap hari selama beberapa jam pelajar berada di sekolah dengan beberapa orang guru akan masuk ke kelas untuk mengajar mereka mengikut jadual yang telah ditetapkan. Sekiranya semua guru tersebut menonjolkan model yang terbaik kepada mereka, mustahil pelajar tidak terpengaruh untuk menjadi pelajar yang baik tingkah lakunya. Ini bermakna guru perlu menjadi model dan contoh yang terbaik kepada anak didiknya.

Di sekolah, semua guru perlu sentiasa prihatin dengan apa yang berlaku dalam kawasan sekolah mahupun dalam bilik darjah. Remaja yang baik tingkah laku perlu dipupuk untuk terus mengekalkan tingkah laku tersebut. Berilah pujian, hadiah, masa rehat dan pelbagai bentuk peneguhan positif yang lain. Remaja dalam kalangan pelajar ini akan merasa mereka dihargai dan diberi perhatian. Ini mengukuhkan hasrat hati mereka untuk terus menjadi pelajar yang terbaik. Guru tidak harus patah semangat apabila berhadapan dengan remaja yang kurang

baik tingkah lakunya. Berilah peneguhan negatif contohnya apabila seorang pelajar tidak membuat latihan, tahan pelajar tersebut untuk menyiapkan latihan sehingga tamat. Bayangkan sekiranya setiap hari dia ditahan untuk tempoh satu jam, tentunya dia akan merasa kurang senang. Ini bermakna pelajar tersebut akan belajar sesuatu iaitu “kalau tidak siap latihan aku terpaksa berada di sekolah lebih lama daripada pelajar lain”. Lama-kelamaan dia akan cuba menyiapkan latihan yang diberikan guru seperti pelajar lain. Sekiranya dia telah menjadi pelajar yang rajin beri pula peneguhan positif. Oleh itu guru perlu cepat bertindak terhadap perubahan yang berlaku kepada pelajarannya. Kebanyakan guru apabila pelajar mempamerkan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak sekolah akan terus mengenakan dendaan. Untuk jangka masa yang panjang, dendaan tidak akan memberi kesan kepada pelajar yang terlibat (Skinner 1968). Dendaan seperti merotan, berdiri atas kerusi dan lain-lain lagi hanya membawa kepada perasaan tidak puas hati, dendam dan ingin memberontak (Khalim 2004). Untuk jangka masa pendek, memang diakui pelajar yang didenda akan mengubah tingkah laku kerana terpaksa, takut malu ataupun tidak mahu menanggung kesakitan.

Di rumah ibu, bapa memainkan peranan penting untuk menjadi model terbaik kepada anak-anak. Ini kerana masa anak-anak di rumah adalah lebih panjang daripada masa mereka di sekolah. Kalau sikap ingin membentuk peribadi anak-anak diterapkan oleh semua ibu bapa, tugas guru akan lebih ringan kerana guru terpaksa berhadapan dengan ramai pelajar berbanding ibu bapa. Ini perlu diberi perhatian yang serius oleh ibu bapa kerana suasana dan persekitaran rumah amat kuat mempengaruhi jiwa anak-anak. Dalam Islam juga ada menyebut, seorang anak dilahirkan suci bersih, ibu bapalah yang akan mencorakkan menjadi “Majusi ataupun Nasrani”. Situasi semasa yang berlaku dalam masyarakat, seolah-olah beban untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang baik adalah di bahu guru-guru dan sekolah. Masalah sosial dan kemerosotan akhlak yang berlaku pada masa kini dikaitkan dengan kelemahan guru-guru di sekolah. Ini merupakan suatu tanggapan yang amat tidak adil kepada guru-guru. Sekolah pertama anak-anak adalah di rumah. Oleh itu pembentukan tingkah laku anak-anak bermula di rumah (Khalim 2004).

PENDEKATAN HUMANISTIK

Pendekatan ini melihat manusia memiliki suatu kuasa dalaman yang akan memberi impak kepada individu dan berpotensi menjadikan individu tersebut seseorang yang hebat dan menyumbang kepada masyarakat. Pendekatan ini diutarakan oleh Carl Rogers dan Abraham Maslow. Carl Rogers menyatakan potensi yang terdapat dalam diri individu akan melahirkan *esteem* sendiri dan membantu kepada

perkembangan potensi diri. Beliau turut menyatakan sekiranya seseorang menerima rangsangan positif yang tidak dirancang (*unconditional positive regard*), dia akan melayan orang lain dengan baik walaupun tidak sependapat. Potensi diri positif ini jika disokong dengan persekitaran yang kondusif dan yang dapat memberi rangsangan, potensi diri akan terus berkembang. Ini akan melahirkan individu yang mempunyai *esteem* sendiri yang tinggi. Sekiranya kita mempunyai *esteem* sendiri yang rendah, ia turut mempengaruhi cara kita berhubung dengan orang lain. Ini menjejaskan hubungan kita dalam masyarakat.

Ini bermakna sekiranya persekitaran di sekolah seperti guru, rakan sebaya dan suasana sekolah dapat memberi rangsangan positif terhadap pelajar, maka ianya akan dapat membantu pencapaian *esteem* sendiri yang tinggi di kalangan pelajar. Guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif bagi membantu pencapaian *esteem* sendiri yang tinggi. Jika ini tercapai, pelajar akan membentuk peribadi yang baik dan seterusnya akan bertingkah laku seperti yang dikehendaki oleh pihak sekolah. Sebaliknya akan berlaku jika persekitaran luar yang menyediakan rangsangan positif yang telah ditetapkan (*conditional positive regard*) akan melahirkan individu yang mempunyai *esteem* sendiri yang rendah. Hakikatnya apa yang terjadi pada masa kini dengan berlakunya banyak masalah disiplin ialah pelajar mempunyai *esteem* sendiri yang rendah. Kesannya, mereka tidak minat untuk belajar menyebabkan mereka kerap ponteng kelas ataupun sekolah, melakukan aktiviti vandalisme, melawan guru, bergaduh dan sebagainya lagi. Peranan pihak kerajaan juga penting dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang baik seperti bilik darjah, guru, peralatan pembelajaran dan prasarana yang mencukupi dan selesa untuk proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Ini akan memberi rangsangan yang baik kepada pelajar.

Maslow (1943) pula memperkenalkan konsep kesempurnaan sendiri (*self-actualization*) iaitu mencapai potensi diri yang bermakna kepada seseorang. Bagi Maslow, manusia dilahirkan dengan mempunyai kuasa dalaman untuk menghasilkan potensi diri maksimum yang dikenali sebagai kesempurnaan sendiri (*self-actualization*). Untuk mencapai kesempurnaan sendiri, perlu melalui beberapa tahap. Ia bermula daripada tahap asas ia itu keperluan fisiologi diikuti oleh keperluan keselamatan seterusnya kepada keperluan sosial kemudian meningkat kepada keperluan penghormatan dan akhirnya tahap mencapai kesempurnaan sendiri.

Pelajar datang daripada pelbagai taraf lapisan sosial ekonomi. Ada yang hidup dalam keadaan miskin. Ada yang menghadapi masalah keluarga yang kucar-kacir. Ini bermakna tahap fisiologi masih lagi tidak berjaya dicapai. Guru perlu mengetahui latar belakang seseorang pelajar supaya dapat membantu pelajar yang bermasalah. Peranan ibu bapa penting dalam memenuhi tahap fisiologi. Pihak kerajaan turut membantu dalam memenuhi keperluan-keperluan

ini dengan menyediakan skim pinjaman buku teks, biasiswa dan pinjaman agar pelajar dapat belajar dengan sempurna. Kesempurnaan tersebut sedikit sebanyak akan dapat membantu pelajar bergerak kepada tahap yang lebih tinggi. Pelajar akan bermotivasi untuk belajar dan tidak terlibat dengan tingkah laku tidak berdisiplin seperti mencuri, bergaduh, melepak, vandalisme, terlibat dengan dadah dan sebagainya lagi, sekiranya keperluan-keperluan utama fisiologi tidak dipenuhi. Keadaan keluarga yang kucar-kacir boleh menyebabkan pelajar tidak bersemangat ke sekolah. Berlakulah kes ponteng dan melepak yang boleh menjurus kepada penglibatan pelajar remaja ini dengan rakan sebaya yang menghadapi masalah yang sama. Muncul pula kes penagihan dadah. Di sini pentingnya kerjasama antara ibu bapa dengan sekolah. Peranan ini boleh dimainkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru dalam merancang strategi bagi membantu pelajar.

Teori Humanisme percaya kuasa dalaman yang dimiliki oleh manusia perlu dipupuk ke arah nilai-nilai positif. Tingkah laku remaja ataupun pelajar sekolah dapat dipupuk dengan baik sekiranya ibu bapa dapat menyemai nilai positif di dalam keluarga itu sendiri. Nilai-nilai seperti kasih sayang, tolong menolong, jujur, dan semua nilai baik perlu diberi perhatian oleh ibu bapa. Di sekolah, guru-guru perlu bersedia untuk memberi input yang baik seperti menonjolkan teladan yang baik dan menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang dapat merangsang minat pelajar untuk datang ke sekolah. Pihak kerajaan pula perlu menyediakan infrastruktur yang selesa seperti tempat belajar yang sempurna dengan pelbagai kemudahan asas seperti bangunan, bilik darjah, serta persekitaran sekolah yang kondusif. Jika ketiga-tiga elemen ini iaitu ibu bapa, sekolah dan kerajaan dapat bergerak seiring dalam menyediakan rangsangan yang positif kepada pelajar, tidak mustahil kuasa dalaman positif yang dimiliki seseorang pelajar dapat dipupuk dan dapat membentuk tingkah laku yang baik dalam kalangan remaja.

PERSPEKTIF PSIKOANALITIK

Perspektif yang akan disentuh disini ialah pandangan Sigmund Freud berkaitan struktur personaliti. Beliau mengemukakan Teori Psikoanalitik yang menyentuh tentang pembentukan personaliti berdasarkan persaingan antara tiga unsur kuasa iaitu (a) keinginan memenuhi kehendak asas yang dikenali sebagai *id* (b) keperluan untuk akur dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat yang dikenali sebagai *ego* (c) ingin hidup dengan kod moral mengikut pandangan sendiri yang dikenali sebagai *superego*. Ketiga-tiga kehendak tersebut sering tidak dapat ditunaikan oleh seseorang secara serentak. Ini menyebabkan kita bertindak mengikut kehendak diri sendiri. Inilah yang berlaku kepada pelajar di sekolah.

Sebagai contoh, mereka tahu ponteng sekolah menyalahi peraturan sekolah serta bertentangan dengan kehendak ibu bapa mereka. Namun oleh kerana terikut dengan kawan ataupun tarikan daripada keseronokan luar seperti kedai siber yang menyediakan kemudahan internet dan permainan yang lebih menarik daripada pelajaran yang terdapat di sekolah, telah menyebabkan mereka sanggup ponteng sekolah demi memenuhi kehendak diri sendiri. Inilah unsur memenuhi keseronokan yang disebut sebagai *id*. Jika remaja tersebut dapat berfikir bahawa ponteng menyalahi undang-undang sekolah, maka remaja telah mencapai tahap ego. Peringkat *superego* dapat dicapai apabila kod moral remaja tersebut selari dengan *id* dan ego lalu merealisasikan dengan tidak akan melakukan perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan juga bertentangan dengan prinsip moral diri yang tidak sanggup melakukan perkara yang salah. Jika tahap ini berjaya dicapai maka tingkah laku remaja berada di landasan yang betul dan selari dengan kehendak sekolah.

Ketiga-tiga kuasa dalaman ini bertindak dalam zon yang dipanggil *unconscious* iaitu tidak sedar. Dalam menyelesaikan permasalahan dalam zon *unconscious* ini, Freud telah mengenal pasti strategi yang dipanggil *defence mechanisms* (mekanisme untuk mempertahankan) yang merupakan suatu usaha untuk mempertahankan sebarang tindakan yang telah dilakukan oleh individu. *Defence mechanisms* yang pertama ialah *rationalization*. Apabila kita mula bertindak untuk melakukan sesuatu, kita telah bersedia dengan jawapan tentang mengapa kita bertindak demikian. Contoh remaja yang pertama kali ingin ponteng sekolah akan memberi alasan pada diri sendiri, tindakan ponteng tersebut tidak mengapa kerana itulah pertama kali dia ponteng dan tidak merasa rugi tidak hadir ke sekolah pada hari tersebut. *Defence mechanisms* yang kedua dipanggil *repression* iaitu perasaan cemburu yang perlu dipendamkan sahaja akibat kesilapan sendiri. Contohnya seorang remaja yang selalu melakukan kesalahan disiplin, prestasinya mula merosot. Dia melihat rakan lain yang berdisiplin dan rajin, lulus dengan cemerlang. Akibatnya timbul perasaan cemburu di hatinya. Perasaan cemburu tersebut terpaksa dipendamkan kerana tidak sepatut dia merasa cemburu kerana sikapnya memang bermasalah berbanding rakannya yang baik dan mengikut peraturan sekolah.

Defence mechanisms seterusnya dipanggil *displacement* iaitu seorang pelajar merasa marah terhadap guru kerana menegur sikapnya yang tidak baik. Kesannya pelajar tersebut rasa ingin bertindak terhadap guru tersebut tetapi tahu kesan akibat daripada tindakan itu. Maka dia meluahkan perasaan marahnya terhadap rakan pelajar lain misalnya bertindak kasar terhadap mereka seperti memaki hamun dan memukul seolah-olah kita sedang melepaskan geram terhadap guru tersebut. *Defence mechanisms* yang disebut sebagai *projection* pula adalah perasaan bersalah tentang sesuatu tindakan yang telah kita lakukan, lalu kita membuat kesimpulan bahawa individu lain juga akan bertindak begitu dalam

situasi yang sama seperti situasi yang kita alami. Sebagai contoh kita terjumpa wang kertas yang bernilai 50 Ringgit Malaysia lalu kita tidak menyerahkan kepada guru kita sebaliknya menggunakan wang tersebut. Kita akan memberi alasan sekiranya orang lain terjumpa dengan wang sebanyak itu tentu mereka juga akan bertindak serupa.

Seterusnya adalah *defence mechanisms* yang dikenali sebagai *reaction formation* iaitu bertindak secara bertentangan dengan perasaan yang telah sebatikan dengan jiwanya. Contohnya seorang remaja yang mempunyai tingkah laku baik tetapi oleh kerana ingin diterima oleh ahli kumpulan di sebuah sekolah yang baru dimasuki, dia terpaksa mengikut budaya kumpulan tersebut walaupun bertentangan dengan sifat asalnya. Ini banyak berlaku kepada pelajar yang tidak ada rakan di tempat baru. Oleh kerana ingin diterima sebagai rakan, mereka sanggup berubah sikap asal, seterusnya menghancurkan diri dan masa depan.

Akhir sekali adalah *sublimation* iaitu mengarahkan perasaan yang tidak sesuai agar ditukarkan menjadi sesuatu yang bermanfaat dan diterima oleh masyarakat. Sebagai contoh, seorang remaja yang berasa terlalu marah kepada rakannya dalam kelas tetapi enggan memukul rakannya itu kerana takut dimarahi guru, telah meluahkan kemarahan tersebut dengan menyibukkan diri dengan aktiviti di padang seperti bermain bola sepak dan sebagainya. Ini merupakan *defence mechanisms* yang baik dan dapat membentuk tingkah laku baik kerana berjaya mengubah sikap asal yang berbentuk negatif kepada tindakan yang bersifat positif. Ini patut digalakkan dalam kalangan remaja.

Jelas sekali dalam memahami tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja, peranan unsur kuasa dalaman seperti *id*, *ego* dan *superego* yang dinyatakan oleh teori psikoanalitik secara terus berkait rapat dengan pembentukan tingkah laku bermasalah. Ini ditambah lagi dengan peranan kewujudan aspek *unconscious* dalam diri seseorang. Dengan mengetahui beberapa aspek dalam *defence mechanisms*, kita dapat menyelami fikiran remaja yang bertindak secara bermasalah kerana aspek *unconscious* telah mempengaruhi tingkah laku remaja tersebut. Mereka ingin mengelak daripada dikenakan tindakan disiplin ataupun dikenali sebagai remaja yang nakal dan bermasalah. Sebagai ibu bapa dan guru, aspek *unconscious* perlu diberi perhatian dalam menangani masalah tingkah laku remaja kerana remaja tidak dapat melihat secara signifikan, cara tindakan mereka selari dengan kehendak masyarakat ataupun sekolah. Sekiranya elemen *unconscious* itu bertepatan dengan tuntutan moral, ianya perlu dipupuk tetapi jika ia bertentangan maka ibu bapa dan guru perlu memperbetulkan agar ia tidak berterusan dan menjadi sebahagian daripada nilai hidup mereka.

TEORI TRET PERSONALITI

Teori ini menyatakan seseorang bertindak ataupun melakukan sesuatu berdasarkan tret personaliti. Tret personaliti merupakan ciri-ciri yang dapat meramalkan tingkah laku secara konsisten berdasarkan sebarang situasi. Tumpuan adalah kepada *Big Five Theory*. Teori ini mencadangkan iaitu personaliti dapat diukur berdasarkan lima dimensi utama. Setiap dimensi mewakili kontinum dan setiap orang berada dalam mana-mana kontinum dalam sesuatu dimensi iaitu:

Introversion (<i>reserved, quiet, contemplative</i>)	_____	Extraversion (<i>outgoing, friendly, sociable, talkative</i>)
Neuroticism (<i>anxious, moody, insecure, worried</i>)	_____	Emotional Stability (<i>calm, relaxed, secure, stable</i>)
Low Openness (<i>traditional, practical, conforming, likes routine</i>)	_____	High Openness (<i>imaginative, curious, likes variety, nonconforming</i>)
Low Conscientiousness (<i>indecisive, spontaneous, disorganized, unreliable</i>)	_____	High Conscientiousness (<i>reliable, organized, persevering, self-disciplined</i>)
Low Agreeableness (<i>stubborn, suspicious, hostile, callous</i>)	_____	High Agreeableness (<i>trusting, good-natured, helpful, accommodating</i>)

Dengan merujuk kepada Big Five Theory ini, remaja yang memiliki personaliti seperti *neuroticism (anxious, moody, insecure, worried)*, *low conscientiousness (indecisive, spontaneous, disorganized, unreliable)*, *low agreeableness (stubborn, suspicious, hostile, callous)* dan *extraversion* didapati berkemungkinan besar akan mempunyai masalah tingkah laku. Jika berbekalkan tret yang dimiliki oleh remaja seperti ini, mereka berhadapan dengan masalah tingkah laku. Adakah mereka semua akan menjadi manusia yang bermasalah? Di sinilah peranan ibu bapa dan guru-guru dalam mendidik mereka untuk sedikit demi sedikit mengubah sikap negatif kepada yang lebih positif. Remaja yang memiliki tret seperti itu perlu dipupuk dalam persekitaran yang membolehkan mereka ditarik keluar daripada tret semulajadi yang kurang baik kepada pembentukan tingkah laku yang positif dan diterima masyarakat. Kalaulah kita begitu rigid berpegang kepada kepada teori ini dan menganggap remaja yang memiliki tret tadi tidak akan berubah maka kita menganggap semua manusia

yang memiliki tret tadi akan berakhir sebagai manusia bermasalah dan tidak dapat dibantu lagi. Ini adalah pengadilan yang berat sebelah.

Bagi tret personaliti yang pertama iaitu *extraversion/introversion* merupakan dua tret yang bertentangan antara satu sama lain. *Extraversion* mewakili *outgoing, friendly, socialable* dan *talkative* manakala *introversion* mewakili *reserve, quite* dan *contemplative*. Berdasarkan kedua-dua tret personaliti, *extraversion* lebih bersifat aktif dan suka bersosial. Jika remaja memiliki sifat ini jika tidak mengawal diri dengan baik akan menimbulkan masalah tingkah laku dalam bilik darjah kerana akan membuat bising akibat daripada sifat yang suka bercakap. Remaja jenis *extraversion* perlu bijak memilih rakan kerana akibat sifat yang *friendly* dan *socialable* boleh menyebabkan mereka akan terpengaruh dengan rakan yang bersifat negatif dan menjerumuskan mereka dalam masalah tingkah laku. Ini adalah kerana apabila individu berada dalam kumpulan, mereka akan dipengaruhi oleh dinamik kumpulan (Curwin & Mendler 1980). Pelbagai tingkah laku negatif akan mereka lakukan seperti vandalisme, bergaduh, buli, ponteng, merokok dan lain-lain aktiviti negatif yang bercorak kumpulan.

Jika remaja memiliki *personaliti low agreeableness*, mereka akan bersikap degil, suka bermusuhan, syak wasangka dan ini merupakan sikap negatif yang akan mengarah individu untuk bersikap secara bermasalah. Tidak mustahil remaja yang memiliki personaliti ini akan terlibat dengan pergaduhan, membuli, melawan guru, tidak melakukan sesuatu yang telah diarahkan, tidak patuh kepada ibu bapa dan pelbagai sikap negatif yang lain. Bagi remaja yang memiliki personaliti *high agreeableness* pula lebih bersifat positif dan memberi kesan terhadap tingkah laku mereka.

Bagi tret personaliti *neuroticism* pula, ia juga menggambarkan individu akan bertingkah laku secara bermasalah kerana emosi yang tidak stabil, perasaan bimbang dan merasa tidak selamat. Jika individu dalam keadaan emosi tidak stabil, pelbagai tingkah laku akan muncul seperti bertindak mengikut perasaan yang boleh membawa kepada tingkah laku negatif. Manakala bagi tret personaliti *emotional stability* ia memberi gambaran yang lebih positif terhadap pemilik tret ini kerana emosi individu lebih stabil, tenang dan merasa selamat. Ini memberi gambaran individu jenis ini akan menonjolkan tingkah laku yang positif. Tret *personaliti openness* pula menggambarkan individu mempunyai fikiran terbuka, sanggup menerima perubahan dan lebih berhati-hati sebelum bertindak. Remaja yang memiliki sifat ini lebih berfikiran positif dan jarang melakukan kesalahan disiplin di sekolah. Ini kerana sebarang peraturan sekolah yang diperkenalkan, mudah sahaja mereka terima dan mereka akan berfikir panjang sebelum bertindak melanggar peraturan sekolah.

Tret seterusnya adalah *conscientiousness*. Individu yang memiliki tret personaliti ini merupakan individu yang boleh diharap, daya tahan yang tinggi, efisien dan sistematik. Individu yang rendah dalam tret ini pula akan bersikap

tidak bertanggungjawab, tidak cermat dan tidak sistematik. Tret *conscientiousness* merupakan suatu tret personaliti yang sangat penting bagi remaja di sekolah kerana hanya individu yang mempunyai daya yang tinggi dan bersemangat akan berjaya dalam bidang akademik (Digman 1989). Jika remaja memiliki tret personaliti yang rendah dalam *conscientiousness*, mereka berkemungkinan tinggi untuk bertingkah laku secara bermasalah kerana sifat mereka adalah tidak bertanggungjawab dan tidak sistematik. Mereka akan cuai dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberi. Ini ditambah lagi dengan semangat mereka yang rendah yang akan menyebabkan mereka akan ketinggalan dalam bidang akademik bagi yang masih belajar. Jika guru tidak mengesan dari peringkat awal dan memberi motivasi kepada mereka ini, berkemungkinan mereka akan menarik diri daripada sekolah dan terlibat dengan aktiviti ponteng dan melepak di luar sekolah.

KESIMPULAN

Berdasarkan pelbagai perspektif tentang pembentukan tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja, guru-guru boleh membantu pelajar membentuk tingkah laku positif yang dapat diterima oleh masyarakat. Di sekolah, tugas guru bukan sekadar ingin memenuhi hasrat ibu bapa daripada aspek akademik semata-mata tetapi yang lebih penting adalah untuk mendidik pelajar menjadi manusia yang seimbang daripada aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani. Ini bertepatan dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ibu bapa, guru dan masyarakat perlu menggembeling tenaga secara berpadu agar masalah tingkah laku remaja yang masih bersekolah dapat dibentuk dan dikawal agar mereka ini membesar dalam acuan yang mementingkan kesejahteraan umum daripada memikirkan kepentingan peribadi. Berdasarkan pelbagai perspektif teori, pembentukan tingkah laku negatif kadangkala adalah tanpa kesedaran remaja itu sendiri. Persepsi mereka mungkin beranggapan nilai dan *world view* mereka adalah sama dengan orang di sekeliling mereka. Guru, ibu bapa dan masyarakat perlu sedar bahawa tanpa bimbingan, remaja tidak akan sedar nilai dan *world view* mereka kadangkala adalah bertentangan dan tidak selari dengan kehendak masyarakat. Remaja perlu dibantu untuk membaiki tingkah laku mereka kerana mereka merupakan modal insan yang perlu digilap dan diasuh agar menjadi aset yang berguna kepada negara. Masa untuk menuding jari kepada remaja atas kesalahan tingkah laku yang mereka lakukan sudah berlalu dan tidak memberi faedah kepada mana-mana pihak malah ia memberi implikasi kepada kita semua betapa kita tidak mempunyai ilmu dan daya untuk memulihkan keadaan. Berdasarkan justifikasi tersebut, kerajaan telah mengorak langkah dengan mengadakan pelbagai program seperti Rakan Muda, Program Latihan Khidmat

Negara dan lain-lain lagi bagi mencari jalan untuk mendekati golongan remaja agar mereka dapat difahami dan dibantu. Tambahan pula Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik dan memerlukan tahap toleransi yang tinggi. Di bahu remajalah hasrat tersebut perlu digalas dan komponen penting yang perlu dimiliki oleh remaja adalah tingkah laku yang bersesuaian dengan sifat majmuk tersebut dan bukannya tingkah laku bermasalah.

RUJUKAN

- Maslow, A. H. 1943. A Theory of Human Motivation. *Psychology Review*, July, 388-389.
- Axelrod, S. 1983. *The Effects of Punishment on Human Behavior*. New York: Academic Press.
- Alberto, P. & Troutman, A. 1990. *Applied Behavior Analysis for Teachers* (3rd ed.). Columbus, OH: Merrill Publishing Co.
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Curwin, R. L., & Mendler, A. N. 1980. *The Discipline Book*. Virginia: Reston Publishing Company.
- Digman, J. M. 1989. Five Robust Trait Dimensions: Development, Stability & Utility. *Journal of Personality*, 57, 195-214.
- Gordon, D. G. 2001. Classroom Management Problems & Solutions. *Music Educators Journal*, 88(2), 17- 23.
- Hamilton, V. M. 2007. *Human Relations the Art & Science of Building Effective Relationships*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hyman, I. A. 1997. *School Discipline & School Violence, the Teacher Variance Approach*. Boston : Allyn & Bacon.
- Khalim Zainal. 2004. Perbandingan Sistem Penalti & Konvensional dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Skinner, B. F. 1968. *The Technology of Teaching*. New York: Appleton-Century-Crofts.
- Skinner, B. F. 1982. *Skinner for the Classroom: Selected Papers*. Champaign IL: Research Press.
- Wolery, M., Baily, D. B., & Sugai, G. M. 1988. *Effective Teaching: Principles & Practices of Applied Behavior Analysis with Exceptional Children*. Boston: Allyn & Bacon.

